




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 401 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 39,854 kes. Empat (4) kes kematian direkodkan iaitu dua (2) kes di Daerah Sandakan dan dua (2) kes di Kota Kinabalu. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 302 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 36,448 orang. Sejumlah 2,506 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 696 orang di hospital dan 1,810 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 68 orang dan 19 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Beluran berubah dari zon jingga ke zon kuning. Manakala Daerah Tenom bertukar dari zon jingga ke zon merah dan Daerah Kuala Penyu berubah dari zon kuning ke zon jingga.

- 4 Pada hari ini, satu (1) kluster baharu dilaporkan di Daerah Keningau iaitu Kluster Kauran mencatatkan sebanyak 10 kes menjadikan jumlah kumulatif 55 kes.
- 5 Daripada 401 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 255 kes (63.6%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 72 kes (18%), saringan kluster baharu dan kluster-kluster sedia ada 31 kes (7.7%), dan 43 kes (10.7%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 957 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,570 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,527 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 37.72%.

#### **B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga hari ini, sebanyak **314,354** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

#### **C. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 236 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan (9) buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19 dan baki 227 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

**D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **95.75%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Sipitang	96%
2	Kota Belud	96%
3	Kinabatangan	96%
4	Kudat	96%
5	Beaufort	96%
6	Kunak	96%
7	Semporna	96%
8	Papar	96%
9	Kota Marudu	96%
10	Beluran	96%
11	Ranau	96%
12	Tuaran	96%
13	Keningau	96%
14	Tenom	96%
15	Kota Kinabalu	95%
16	Penampang	95%
17	Sandakan	95%
18	Lahad Datu	95%
19	Tawau	95%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan kompaun RM1000.00 di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988).
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

## **E. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)**

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis di empat (4) daerah iaitu Kota Kinabalu, Lahad Datu, Kinabatangan dan Semporna.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 92 lokasi di 15 daerah. Hebahan dibuat dalam lima (5) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Dusun, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

**Bersama-sama kita memainkan peranan serta bertanggungjawab dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian untuk terus membendung penularan pandemik COVID-19 dengan sentiasa mematuhi SOP dan tidak berasa selesa kerana keadaan masih belum reda sepenuhnya.**

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**

8 Januari 2021